



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN ISMAWIRA AMIN BIN ISMAIL
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGAMBILAN (SPA)
2015- SEKARANG**

OLEH:

NUR ZIAD BIN MOHD ZAINAL (2013776965)

RAJA MUHAMAD NOR SYAFIQ BIN RAJA SAZALI (2013766993)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN ISMAWIRA AMIN BIN ISMAIL
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGAMBILAN (SPA)
2015- SEKARANG**

OLEH:

**NUR ZIAD BIN MOHD ZAINAL (2013776965)
RAJA MUHAMAD NOR SYAFIQ BIN RAJA SAZALI (2013766993)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Alhamdulillah. Pada mulanya kami ingin panjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T Kerana dengan izin-Nya kami telah dapat menyiapkan kerja kursus Sejarah Lisan dengan jayanya. Di kesempatan ini juga kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih khas buat pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa bt Abdullah yang mengajar subjek IMR604-Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan] kerana memberikan pembelajaran yang baru kepada kami dalam menyiapkan tugas yang menarik ini. Beliau telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami bagi memudahkan kami mengetahui lebih lanjut tentang proses sejarah lisan ini dilakukan. Puan Nurulannisa bt Abdullah telah memberi garis panduan yang lengkap kepada kami.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang amat kami kagumi iaitu Tuan Ismawira Amin bin Ismail merangkap jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan (SPA). Kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang proses penyiapan kerja khusus ini amatlah bermakna bagi kami. Kami bersyukur dipertemukan dan dapat menjalankan tugas ini dengan orang sebaik beliau.

Kami juga ingin ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami kerana sudi membantu dan berkongsi ilmu. Akhir sekali, ucapan terima kasih turut diucapkan kepada ibu bapa kami yang sentiasa mendoakan kejayaan kami. Tanpa bantuan semua pihak yang disebutkan, mungkin kami akan menghadapi banyak kesukaran dalam menyiapkan tugas ini. Bidang ini memberi banyak pengetahuan dalam penyelidikan mengenai dokumentasi oral. Kami benar-benar bersyukur kerana boleh menggunakan pengetahuan ini pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar. Temubual ini dilakukan bersama Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan (SPA) iaitu Tuan Ismawira Amin Bin Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan. Temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di Putrajaya. Tarikh temubual tersebut adalah pada 12 Jun 2015 bermula pada jam 4.30 petang hingga 6.30 petang. Tuan Ismawira Amin Bin Ismail adalah bekas Ketua Penolong Setiausaha Parlimen dan Jemaah Menteri. Tuan Ismawira Amin bin Ismail mula bekerja dengan kerajaan dari 19 Disember 2005 dan sejak 16 Januari 2006 mula berkhidmat dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia sehingga dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Khas Y.B Menteri Pengangkutan yang berkuatkuasa 2 Februari 2012. Tugas Tuan Ismawira Amin bin Ismail tidak hanya terhad kepada jawatan di Kementerian Pengangkutan Malaysia tapi juga berkhidmat di Bahagian Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Tuan Ismawira Amin Bin Ismail semasa berkhidmat di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

Kata kunci: *Tuan Ismawira Amin Bin Ismail, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan (SPA), Kementerian Pengangkutan Malaysia, tarikh temubual, Bahagian Pegawai Tadbir dan Diplomatik.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	1
Pengenalan.....	6
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	10
Log Wawancara.....	42
Diari Kajian.....	45
Senarai soalan.....	46
Surat Perjanjian.....	51
Lampiran.....	52
Indeks.....	57

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Rajah 1 : Tuan Ismawira Amin bin Ismail

1. LATAR BELAKANG PERIBADI

1.1 Nama: Tuan Ismawira Amin bin Ismail

1.2 Jawatan: (SPA).

1.3 Tarikh perkhidmatan : 19/01/2015 - Sekarang.

1.4 Tarikh Lahir :

1.5 Umur: 37 tahun

1.6 Asal: Kelantan

1.7 Prinsip : Buat yang terbaik dalam semua perkara

1.8 Hobi :

1.9 Isteri :

Anak-anak :

2. KELULUSAN AKADEMIK

TAHUN	KELULUSAN	UNIVERSITI/INSTITUSI
2015	Master sc. Human Resource Development	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
2007	Diploma Pengurusan Awam	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara
2004	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan (Pengajian Kepimpinan)	Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Kelana Jaya
1995	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Sekolah Menengah Sains Dungun
1993	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher Kota Bharu
1990	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ismail (1) Kota Bharu

3. ANUGERAH

Tahun	Darjah	Tarikh
2012	Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (A.S.K)	Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V Yang Ke 43 Tahun 2012

2007	Angerah Khas Perdana Menteri – Peserta Terbaik Keseluruhan (Cemerlang)	Kursus Diploma Pengurusan Awam, INTAN (2007)
------	--	---

4. PENGLIBATAN DALAM KERJAYA

Tahun	Keterangan
2003-sekarang	<ul style="list-style-type: none"> -Penasihat Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR -Ketua Fasilitator Program Bakti Siswa Daya Wawasan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) -Fasilitator Sekretariat Tamadun Melayu (STEM)
1999-2003	<ul style="list-style-type: none"> -Presiden / Pengarah Eksekutif Kelab Korporat Muda -Timbalan Presiden Kelab Debat UNITAR -Pengarah Program - Aktiviti Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR -Penasihat Program - Aktiviti Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR -Pendebat UNITAR - Pertandingan Debat Antara Universiti -‘Tukang Karut’ Pasukan Dikir Barat

	<p>UNITAR - Pertandingan Dikir Barat Antara Universiti</p> <p>-Peserta Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan</p> <p>-Peserta Kongres Mahasiswa</p>
1999-sekarang	-Fasilitator Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri (JPM)
2004-sekarang	Fasilitator Modul Kenegaraan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

PENGENALAN

PENGENALAN



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957, iaitu bersamaan dengan hari Kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu. Pada awalnya, semasa penjajahan Inggeris, Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Tanah Bersekutu Melayu ketika itu di bawah pentadbiran Inggeris. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 telah dengan sendirinya membentuk pemerintahan baru Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat. Secara Rasmi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah dibentuk sebagaimana termaktub dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Fungsi-Fungsi Suruhanjaya adalah meliputi perkara-perkara berikut melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tertib. Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan:- "Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajipan sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya."

MENGENAI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Visi

Menjadi agensi peneraju yang dinamik dan berwibawa dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan penjawat awam.

Misi

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan negara.

Motto

Mudah, Cepat dan Tepat.

Objektif

Memastikan fungsi melantik, mengesah, memberi taraf berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dilaksanakan dengan sempurna dan efisien dalam tempoh yang ditetapkan.

Ikrar

Ikrar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Kami, seluruh anggota Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berjanji akan:

1. Mematuhi hasrat dan cita-cita kerajaan; Berpegang teguh kepada ajaran agama; Berpegang kepada teras perkhidmatan cemerlang; Komited kepada pelaksanaan program kualiti; Melaksanakan kepimpinan melalui teladan;
2. Serta mengaku akan mencurahkan segala tenaga usaha kami ke arah:
3. Melaksanakan tugas dengan teratur, berkesan dan berkualiti; Memberikan perkhidmatan dengan ikhlas dan cepat kepada pelanggan; Mengamalkan sifat-sifat amanah, hormat, bertanggungjawab dan positif; Berusaha mempertingkatkan

martabat dan kecemerlangan; Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, sepanjang masa.

4. Penyebaran ilmu Pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan persidangan serta Lawatan berpandu ke galeri

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Temubual ini dilakukan bersama Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan (SPA) iaitu Tuan Ismawira Amin Bin Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan. Temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di Putrajaya. Tarikh temubual tersebut adalah pada 12 Jun 2015 bermula pada jam 4.30 petang hingga 6.30 petang. Tuan Ismawira Amin Bin Ismail adalah bekas Ketua Penolong Setiausaha Parlimen dan Jemaah Menteri. Tuan Ismawira Amin bin Ismail mula bekerja dengan kerajaan dari 19 Disember 2005 dan sejak 16 Januari 2006 mula berkhidmat dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia sehingga dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Khas Y.B Menteri Pengangkutan yang berkuatkuasa 2 Februari 20012. Tugas Tuan Ismawira Amin bin Ismail tidak hanya terhad kepada jawatan di Kementerian Pengangkutan Malaysia tapi juga berkhidmat di Bahagian Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Nur Ziad Bin Mohd Zainal dan dibantu oleh Raja Muhamad Nor Syafiq bin Raja Sazali. Berikut adalah hasil rakaman yang telah siap dilakukan. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

TIA: Tuan Ismawira Amin Bin
Ismail

NZZ: Nur Ziad Bin Mohd Zainal

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NZZ : Assalamualaikumwarahmatullah hiwabarakatuh, saya Nur Ziad bin Mohd Zainal dan Raja Muhamad Nor Syafiq bin Raja Sazali dari Universiti Teknologi MARA Kampus Machang ingin menemu ramah Tuan Ismawira. Boleh saya Tanya serba sedikit tentang latar belakang tuan. Nama penuh tuan apa ya?

TIA : Waalaikumussalam warahmatullahi waabarakatuh.

NZZ : **Saya Nur Ziad bin Zainal dan ini rakan sekelas saya. Kami datang untuk menemubual Tuan untuk menyiapkan tugas tentang kerja khursus kami.**

TIA : Persilakan.

NZZ : **Boleh kami tahu apakah nama penuh Tuan?**

TIA : Nama penuh saya Ismawira Amin bin Ismail.

NZZ : **Apakah nama panggilan atau nama glamour Tuan?**

TIA : Nama glamour tu tiadalah, tapi orang panggil saya Isma.

NZZ : Bilakah tarikh lahir Tuan?

TIA : Tarikh lahir saya *sepuluh januari sembilan belas tujuh puluh lapan* [10 Januari 1978]

NZZ : Berapakah umur Tuan sekarang?

TIA : Umur *tiga puluh tujuh* [37 tahun]

NZZ : Dimanakah Tuan dilahirkan?

TIA : Saya lahir di Pasir Puteh, Kelantan.

NZZ : Dimanakah Tuan dibesarkan?

TIA : Dan saya dibesarkan di Kota Bharu.

NZZ : Boleh Tuan beritahu nama penuh Ibu Tuan?

TIA : Nama ibu saya Datin Hasmah binti Mat Hassan.

NZZ : Boleh Tuan beritahu nama penuh Bapa Tuan?

TIA : Dan nama arwah saya Datuk Haji Ismail Yusoff.

NZZ : **Dimanakah ibu dan arwah bapa Tuan berasal?**

TIA : Kota Bharu, Kelantan.

NZZ : **Berapakah bilangan adik beradik Tuan?**

TIA : Adik beradik saya ada *empat* [4] orang.

NZZ : **Berapa lelaki dan berapa perempuan adik beradik Tuan dalam keluarga Tuan?**

TIA : Dan saya seorang sahaja lelaki dan saya anak yang *ketiga* [ke-3]

NZZ : **Nama adik beradik Tuan?**

TIA : Yang adik beradik *sulung* [1] Ismaida, yang nombor *dua* [2] Ismawati, dan nombor *tiga* [3] saya, Ismawira Amin dan nombor *empat* [4] adik saya, Ismadiana.

NZZ : **Tuan anak yang ke berapa?**

TIA : Emm, macam yang saya cakap tadi, saya anak yang *ketiga* [ke-3]

NZZ : **Apakah hobi Tuan di masa lapang?**

TIA : Hobi saya *takde* [tiada] *specific* [tertentu] hobi tapi saya ni lebih kepada aktiviti lasak *sikit* [sedikit], cuma sekarang ni saya baru berjinak-jinak dengan hobi menembak sebab baru dapat lesen.

NZZ : **Apakah cita-cita Tuan semasa kecil dahulu?**

TIA : Cita-cita saya ni sebenarnya lebih kepada nak menjadi seorang peguam sebenarnya, tapi ditakdirkan, saya menjadi seorang pegawai tadbir dan diplomatik di sektor kerajaan.

NZZ : **Adakah Tuan sudah berkahwin?**

TIA : Ya, sudah berkahwin. Errr, anak *tiga* [3] orang.

NZZ : **Bilakah Tuan mendirikan rumah tangga?**

TIA : Saya mendirikan rumah tangga ni tahun *dua ribu empat* [2004] , nak masuk tahun ni genap *sebelas* [11] tahun lah.

NZZ : Boleh Tuan beritahu nama penuh isteri Tuan?

TIA : Wan Nor Azian Faizan binti Wan Nik.

NZZ : Berapakah bilangan anak Tuan sekarang?

TIA : Err, anak *tiga* [3] orang.

NZZ : Bagaimana Tuan berkenalan dengan isteri Tuan?

TIA : *Detail* [terperinci] soalan ni. Berkenalannya saya dengan isteri saya merupakan rakan sekolah bermula pada tahun *sembilan belas sembilan puluh empat* [1994] lah, saya *start* [bermula] mengenali isteri saya semasa saya berada di tingkatan *empat* [4] di sekolah.

NZZ : Berapa lelaki dan berapa perempuan anak Tuan?

TIA : Sekarang saya mempunyai *tiga* [3] orang cahaya mata. *Dua* [2] perempuan dan *satu* [1] lelaki.

NZZ : Boleh tuan beritahu nama dan umur anak-anak Tuan?

TIA : Ok. Yang pertama, Ismaaqil Aariz *sepuluh* [10] tahun, yang kedua Ismaalisya Afrin *enam* [6] tahun, dan yang ketiga, Ismaaira Adilia *satu* [1] tahun.

NZZ : Dimanakah Tuan tinggal sekarang?

TIA : Saya tinggal di Bandar Nusa Putra.

NZZ : Apakah jawatan yang Tuan pegang sekarang?

TIA : Saya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan jawatan yang saya pegang sekarang adalah Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pengambilan *Suruhanjaya Perkhidmatan Awam* [SPA] Malaysia.

NZZ : Dimanakah Tuan bekerja?

TIA : Bekerja di Bahagian Pengambilan *Suruhanjaya Perkhidmatan Awam* [SPA] Malaysia, Putrajaya.

NZZ : Bagaimana Tuan dapat membahagikan masa untuk bersama anak-anak dan isteri Tuan sedangkan Tuan sibuk dengan kerja?

TIA Pembahagian masa ni sebenarnya subjektif lah di mana, pada pandangan saya, sebenarnya bagaimana kita bijak membahagikan masa tu, sebenarnya kalau kita boleh menggunakan masa secara optimum di *office* [pejabat] tidak timbul kita bekerja dengan lebih masa, balik lewat. Kita harus memanfaatkan masa di *office* [pejabat] tu dengan perancangan. Kalau macam saya, saya membuat perancangan yang jelas terutamanya apa kehendak *stake holder* [pemegang kepentingan] yang memenuhi, untuk memenuhi *due date* [tarikh akhir] lah. Sebagai agensi bahagian pengambilan, *so* [jadi] saya agensi pengguna tu kalau ada pengisian jawatan kekosongan, saya harus merancang lah kerja saya. Itu adalah kunci sebenarnya untuk kita merancang masa sebenarnya.

NZZ Bolehkah Tuan ceritakan sedikit mengenai kehidupan Tuan di zaman kanak-kanak Tuan?

TIA Zaman kanak-kanak ni, saya antara boleh di kategorikan anak yang manja jugalah sebab saya seorang anak lelaki tunggal dalam keluarga saya. Tapi, manja pun disebabkan saya anak lelaki jugalah, arwah *ayahanda* [bapa] saya tegas dengan saya untuk memastikan bahawasanya saya ni boleh menjadi ketua kepada adik-beradik dan ketua keluarga sekiranya ayah saya tiadalah. Macam sekarang ni, banyak keputusan-keputusan keluarga tu dirujuk kepada saya sebagai anak lelaki

tunggallah manakan arwah *ayahanda* [bapa] saya meninggal pada tahun *dua ribu sebelas* [2011].

NZZ **Apakah pengalaman yang paling manis Tuan semasa kanak-kanak?**

TIA Paling manis, saya rasa yang paling manis saya sempat, di masa sekolah rendah saya sempat bersekolah bersama dengan anak kepada Sultan Kelantan yang sebelum ni iaitu Tengku Mohamad Fakri Petra. Saya adalah antara rakan baik dia pada zaman sekolah tu, saya bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ismail *satu* [1] dan anak kepada Sultan Kelantan sebelum ni iaitu Sultan Ismail Petra rakan sekelas saya, dan saya pun duduk *satu* [1] kumpulan dengan dia . Dan masa rehat pun, dia sentiasa makan dengan saya. Itu kenangan paling manis. Saya pernah dijemput ke istana masa tu semasa hari jadi dia sebab kita orang kampung nak tengok istana tu rasa kagum sikitlah.

NZZ **Siapakah idola Tuan?**

TIA Idoal saya tidak lain tidak bukan arwah *ayahanda* [bapa] sayalah, Datuk Haji Ismail Yusoff. Dia merupakan orang sebab arwah *ayahanda* [bapa] saya merupakan pegawai kerajaan dan merupakan pegawai tadbir negeri Kelantan dan jawatan terakhir arwah *ayahanda* [bapa] saya ialah Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi Sosial Kerajaan Negeri Kelantan.

NZZ **Apakah falsafah hidup Tuan?**

TIA Falsafah hidup ni subjektif juga, *so* [jadi] saya takde falsafah pun. Takde *specific* [tertentu] falsafah tapi bagi saya falsafah ni mudah kalau kita buat sesuatu itu, kita buat sehabis baik. Alang-alang kita nak buat, baik buat yang terbaik. Dalam pepatah melayu ada mengatakan, alang-alang menyeluk pekasam, biarlah sampai ke pangkal lengan. Biar kita buat tu, buat habis. Jangan buat *half-way* [separuh jalan] dan tu saya punya *style* [gaya] la. Kalau buat kerja, jangan kita buat half-way. Biar kita siap, jangan kita tangguh, *relaks kejap* [berehat sebentar]. Memang ayat tu agak skema tapi benda tu sebenarnya banyak membantu urusan kerja saya dan urusan kehidupan sayalah.

NZZ **Apakah motivasi terbesar dalam hidup Tuan?**

TIA Motivasi ni sama juga, ianya subjektif. Saya lebih kepada keluargalah sebab keluarga ni sebagai sumber inspirasi saya terutamanya melibatkan arwah *ayahanda* [bapa] sayalah sebab beliau memainkan peranan penting yang menyatukan hidup saya dan beliau juga merupakan orang yang memberi dorongan semasa dia masih hidup untuk saya terus berjajalah sehingga ke, bukan nak kata saya ni orang yang berjaya tapi masih lagi ingin berjaya. Alhamdulillah, sehingga diberi peluang hari ini arwah *ayahanda* [bapa] saya banyak memberi inspirasi kepada saya.

NZZ Adakah ibubapa Tuan sentiasa memberi kata-kata semangat kepada Tuan?

TIA Betul, ini adalah yang paling pentinglah yang saya rasa. Memang kata-kata semangat dan doa *bonda* [ibu] dan *ayahanda* [bapa] kita ni sentiasa memberi berkat kepada kita. Kalau kita tidak mendengar kata-kata *bonda* [ibu] tu, kita buat macam mana pun, ada sesetengah orang ni walaupun dia dah jadi bijak pandai dan hebat tapi masih tidak mendengar atau memandang lekeh pendapat *ayahanda* [bapa] dan *bonda* [ibu] ni rasa, tak patutlah. Kita kena dahulukan kita punya pendapat ibubapa kita.

NZZ Sejak bilakah Tuan pandai hidup berdikari?

TIA Sejak bila eh? Sejak kahwin la kot. Kalau berdikari secara berdiri di atas kaki sendiri tu, sejak kahwin la pada tahun *dua ribu empat* [2004]. Tapi kalau berdikari tu saya rasa, sejak dari saya belajar la kot semasa lepas sekolah lah.

NZZ Pada pandangan Tuan, bagaimanakah hendak menjadi seorang yang berdikari?

TIA Nak jadi berdikari ni, yakin pada diri sendiri, itu sahaja. Kalau kita tak yakin, nak buat apa-apa pun dalam belajar sekalipun, kita tak yakin pada diri kita, tak boleh nak buat apa. Kita tak yakin yang kita boleh jawab *exam* [peperiksaan] pun, tak

boleh juga. Sama jelah. Yakin pada diri sendiri, itu sahaja.

NZZ **Dimanakah Tuan bersekolah rendah?**

TIA Saya bersekolah di sekolah rendah di *tiga* [3] sekolah rendah. Yang pertama, Sekolah Rendah Sultan Ismail *satu* [1] di Kota Bharu, Kelantan. Selepas itu, saya berpindah ke Sekolah Rendah Hamzah di Machang. Pada masa tu, arwah *ayahanda* [bapa] saya dilantik sebagai District Officer [Ketua jajahan] Machang. Dan selepas pada tu, saya patah balik ke Sekolah Rendah Sultan Ismail *satu* [1] sebab arwah *ayahanda* [bapa] saya bertukar kerjalah.

NZZ **Dimanakah Tuan bersekolah menengah?**

TIA Dari tingkatan *satu* [1] sehingga tingkatan *tiga* [3], saya bersekolah di Sekolah Menengah Dato Ahmad Maher, Kota Bharu.

NZZ **Kenapa Tuan bersekolah menengah di Dungun?**

TIA Semasa di tingkatan *empat* [4] sehingga tingkatan *lima* [5] , saya mendapat tawaran ke sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sains di Dungun.

NZZ **Apakah aliran yang diambil Tuan ketika sekolah menengah?**

TIA Aliran yang saya ambil di Sekolah Menengah Sains Dungun adalah sains, sains tulen. Fizik, Kimia, Biolodi dan Add Math.

NZZ **Ketika di zaman persekolahan, adakah Tuan seorang pelajar yang aktif?**

TIA Di peringkat sekolah, saya lebih kepada aktif dari segi kepimpinan. Daripada sekolah rendah lagi, saya dilantik sebagai ketua darjah sampai ke darjah *empat* [4], saya dilantik menjadi pengawas ketika darjah *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], *lima* [5], *enam* [6]. Ketika di tingkatan *satu* [1], saya menjadi ketua kelas. Tingkatan *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], *lima* [5] saya dilantik sebagai pengawas.

NZZ **Semasa peringkat sekolah dahulu, adakah Tuan pernah mewakili sekolah contohnya, dalam bidang sukan atau pelajaran?**

TIA Sukan, saya banyak mewakili sekolah dalam bentuk sukan bola baling dan juga sepak takraw. Dan kalau peringkat pelajaran ni, saya pernah mewakili daerah dan juga peringkat negeri iaitu dalam Kuiz Keusahawanan Remaja.

NZZ **Apakah pencapaian terbaik yang pernah Tuan perolehi di peringkat sekolah?**

TIA Sekolah ni, pencapaian terbaik saya rasa, dari segi akademik, Alhamdulillah boleh

saya katakan pencapaian terbaik juga. Di peringkat kokurikulum, banyak yang melatih saya untuk menjadi seorang pemimpin sebab daripada sekolah rendah lagi saya rasa benda yang secara tak langsung, kita di didik dan dilatih untuk menjadi seorang ketua tu banyak memberi motivasi dan kelebihan kepada kita di peringkat yang kita dah boleh bekerja dan kita boleh *apply* [minta] untuk masuk ke peringkat universiti.

NZZ **Selepas tamat SPM, apakah Tuan bekerja sepanjang tempoh menunggu keputusan SPM?**

TIA Ya, saya bekerja sebagai *waiter* [pelayan] di Hotel Perdana Kota Bharu selama *tiga* [3] bulan. Saya tak ingat gaji dalam *tiga ratus* [300] atau *empat ratus* [400]. Dan selepas itu saya mendalami ilmu agama di Pondok Pasir Tumbuh.

NZZ **Dimanakah Tuan melanjutkan pelajaran selepas tamat peringkat menengah?**

TIA Saya ditempatkan di A-Level. Sebenarnya program A-Level ni merupakan program untuk persediaan untuk belajar ke *UK* [United Kingdom] dimana masa tu ekonomi kita tengah gawat. *So* [jadi], kerajaan tidak menghantar pelajar-pelajar ke luar negara jadi, terpaksa lah kumpulan yang dirancang untuk dihantar ke luar negara tu terpaksa sambung pelajaran di *local* [tempatan] universiti lah.

NZZ Sebutkan tahap pengajian Tuan daripada sekolah rendah hingga yang tertinggi?

TIA Pencapaian tu macam biasalah. Ijazah saya Ijazah Sarjana Muda, Banchelor of Management *Leadership Study* [Pengajian Kepimpinan] dan di peringkat Masters, saya *Masters of Business Administration* [MBA] di *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM]. Diploma tu adalah syarat wajin untuk *Pegawai Tadbir Diplomatik* [PTD]. Saya diwajibkan untuk mengambil Diploma Pentadiran Awam selama *enam* [6] bulan untuk pengesahan jawatan. Setakat ini, yang paling tinggi *Masters* [MBA] lah.

NZZ Apakah tawaran yang Tuan dapat ketika sambung belajar, sama dengan citarasa atau minat Tuan?

TIA Kalau ikut cita-cita, saya berminat untuk menjadi seorang peguam sebenarnya tapi apabila ditimbang balik atau menerima nasihat keluarga, saya rasa saya ni lebih sesuai kepada kepimpinan dan juga pengurusan. Jadi, saya mengambil bidang pengurusan dalam skop pengajian kepimpinan dalam peringkat *first degree* [ijazah pertama] lah. Untuk *masters* [MBA] ni, lebih kepada Organization And Human Resources Management.

NZZ **Gambaran suasana di tempat pengajian Tuan ketika di universiti?**

TIA Gambaran suasana yang macam mana? Ok. Saya menganggap suasana di universiti sebagai tempoh yang kenangan manis semasa di universiti. Sebabnya, banyak aktiviti-aktiviti yang boleh kita terlibat atau aktif dan boleh mengasah kita punya kepimpinan, *time management* [pengurusan masa], *teamwork* [kerjasama], banyaklah benda yang saya boleh belajar dari universiti sebenarnya. Universiti tu adalah guru terbaik saya, saya rasa selain daripada ibubapa dan juga kawan-kawan kita. Orang cakap, universiti tu adalah *learning process* [proses pembelajaran] yang bagus untuk kita ke peringkat yang lebih tinggi lah.

NZZ **Adakah Tuan gembira dengan suasana ketika di universiti?**

TIA Gembira.

NZZ **Jurusan apakah yang diambil Tuan semasa peringkat universiti?**

TIA Macam saya sebut tadilah. Pertama, saya mengambil Bachelor of Management Majoring in Leadership Study dan di peringkat *Masters* [MBA] dalam bidang Organization in Human Resources Development.

NZZ **Kenapa Tuan mengambil diploma pengurusan awam walaupun Tuan sudah mempunyai ijazah sarjana muda pengurusan (pengajian kepimpinan)?**

TIA Macam saya sebutkan tadi, ia adalah syarat wajib sebagai seorang *Pegawai Tadbir dan Diplomatik* [PTD] wajib melalui tempoh atau wajib melalui kursus Diploma Pentadbiran Awam di *Institut Pentadbiran Awam Negara* [INTAN] di Bukit Kiara.

NZZ **Apakah pencapaian terbaik Tuan semasa di peringkat universiti?**

TIA Peringkat terbaik ni saya rasa dari segi akademik, pernah mendapat anugerah dekan dan juga di peringkat persatuan, saya banyak memimpin persatuan terutamanya *Kelab Korporat Muda* [KKM]. Saya terlibat secara langsung di awal penubuhan sampai lah saya habis belajar universiti.

NZZ **Apakah kelab atau persatuan yang pernah Tuan libatkan diri sepanjang berada di alam universiti?**

TIA *Kelab Korporat Muda* [KKM]

NZZ **Apakah kenangan manis yang tidak dapat Tuan lupakan semasa di universiti?**

TIA Kenangan manis ni tak boleh jawab *exam* [peperiksaan] lah. Kenangan manis tu kita akan rasa gabra kalau kita tak boleh nak jawab *exam* [peperiksaan]. Itulah kenangan manis saya, saya rasa. Dan kita risau takut kita *repeat paper* [kertas ulangan]. Itulah zaman *student life* [kehidupan pelajar] lah.

NZZ **Apakah kenangan pahit yang tidak dapat Tuan lupakan semasa di universiti?**

TIA Kenangan pahit ni saya rasa, *pointer* [mata] rendah lah. Tapi Alhamdulillah walaupun kita *pointer* [mata] rendah, kita terpaksa berusaha dengan lebih gigih lagi dan *pointer* [mata] kita akan naiklah.

NZZ **Apakah rahsia kejayaan Tuan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang agak membanggakan?**

TIA Saya rasa saya tak ada rahsia pun. Tips saya mudah sahaja, buat sehabis baik kita rasa kita buat tu yang terbaik. Itu sahaja. Kita *push* [tolak] diri kita, bahawa aku ni boleh buat sampai macam ni. Kita tengok orang lain boleh buat, kita pun mesti boleh buat juga. Itu sahaja, saya pun bukan dilahirkan sebagai orang yang cerdas atau *intelligent* [bijaksana], tak. Tapi kita kena berusaha dan kita tahu di mana kekuatan kita dan di mana kelemahan

kita. Itu sahaja.

NZZ **Apakah pekerjaan pertama Tuan pada permulaan tamat pengajian?**

TIA Saya pernah bekerja swasta sekejap di Cheras sebagai dalam bidang marketing atau pun *sale* [jualan]. Selepas itu saya ditawarkan ke sektor kerajaan, iaitu *Pegawai Tadbir Diplomatik* [PTD].

NZZ **Boleh ceritakan perjalanan hidup Tuan selepas tamat pekerjaan sehinggalah sekarang?**

TIA Selepas habis ijazah tu, saya ada cuba menghantar beberapa resume ke sektor swasta dan Alhamdulillah saya dipanggil oleh sebuah syarikat di Cheras dan tak silap saya gaji agak rendah dalam *dua ribu* [2000] atau *satu ribu lapan ratus* [1800]. Semasa di Cheras tu, syarikat yang kecil. Satu lagi syarikat menawarkan management training di syarikat IMP. Syarikat IMP ni satu syarikat yang besar tapi gaji rendah. Saya lebih memikirkan gaji lebih penting, *so* [jadi] saya bekerja di Cheras lah. Di syarikat IMP tu, saya ditawarkan gaji *seribu lima ratus* [1500] kurang pada Cheras. Syarikat di Cheras tu adalah syarikat *conveying system* [system penyampaian] lebih kepada industri perkilangan.

NZZ **Mengapa Tuan memilih untuk berkhidmat di sektor Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)**

TIA Sebenarnya, kalau saya cakap memilih tu, tidak sebab kita sebagai jawatan PTD ni kita boleh pergi ke mana-mana samaada di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan. Macam saya sekarang ni bertugas di peringkat persekutuan tapi saya rasa baik atau bonus kepada saya sebab saya mengambil jurusan MBA perkhuisan dalam bidang Organization in Human Resources Development dan kena dengan bidang tugas saya sekarang ni iaitu *recruiting* [merekruit] dan juga *selecting* [memilih]. Di mana saya rekrut orang untuk nekerja di sektor awam dan saya memilih orang untuk bekerja di sektor awam. Macam pagi tadi pun saya baru selesai *interview* [temuramah] untuk jurusan Pegawai Pergigian U *empat puluh satu* [U41]. Bidang tugas saya memang banyak kepada *interview* [temuramah] macam memilih calon yang paling terbaik untuk diserap atau dilantik ke dalam sektor awam.

NZZ **Apakah pengalaman yang paling manis Tuan semasa bekerja?**

TIA Manis semasa bekerja, saya dipilih semasa bekerja di INTAN, saya dipilih sebagai peserta terbaik ataupun penerima anugerah Perdana Menteri yang dianggap tertinggi dalam sektor awam. Dan pada masa yang sama juga di peringkat kementerian, saya dipilih *dua* [2] kali untuk menerima anugerah perkhidmatan

cemerlang.

NZZ **Apakah pengalaman yang paling pahit Tuan semasa bekerja?**

TIA Oh, pengalaman yang pahit saya rasa, bukan pahit sebenarnya, tapi pengalaman yang kita takut apabila kita bertukar daripada satu [1] divisyen ke satu [1] divisyen. Contohnya, sebelum ni, saya menyambung pelajaran di peringkat Master, saya bertugas sebagai Pegawai Khas kepada Yang Berhormat, Menteri Pengangkutan. Dan sebelum itu, saya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Parlimen dan Jemaah Menteri. Jadi apabila kita bertukar dari portfolio tu, adalah saat yang paling saya takut, takut tidak boleh bekerja. Tapi Alhamdulillah, apabila kita bertanya atau kita lebih kepada *observation* [pemerhatian] dan pertanyaan dengan *team members* [ahli pasukan] kita, Insha Allah, saya rasa saya boleh bekerjalah tak kira di mana-mana tempat pun.

NZZ **Semasa Tuan di alam pekerjaan, apakah dugaan paling besar yang pernah Tuan hadapi?**

TIA Dugaan yang paling besar yang saya pernah hadapi pada tahun *dua ribu sembilan* [2009], arwah *ayahanda* [bapa] saya di diagnosis mempunyai penyakit pre-

leukimia di mana pada masa tu, saya sebagai adik beradik lelaki tunggal memainkan peranan penting sebab masa tu semua adik beradik saya semua berada di KL dan Selangor. Saya terpaksa membahagikan tugas di mana saya perlu utamakan keluarga saya dan saya cuti hampir *dua* [2] hari dalam *satu* [1] minggu. Saya cuti hari khamis dan jumaat. Hari rabu malam saya akan bertolak balik ke Kota Bharu. Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad saya akan berada di Kota Bharu. Dan hari ahad, saya terpaksa balik ke KL dan bekerja pada hari isnin. Tu saya rasa dugaan yang paling besar saya rasa, tapi Alhamdulillah, saya berpuas hati kerana dapat menjaga arwah *ayahanda* [bapa] saya sehingga beliau meninggalkan saya dan kami semua adik beradik termasuk *bonda* [ibu] saya.

NZZ **Bolehkah Tuan ceritakan sedikit tentang suasana tempat kerja Tuan?**

TIA Suasana di SPA ni saya rasa, suasana yang agak harmoni di mana kita mengamalkan kerja berpasukan sebab ini adalah bahagian yang paling besar yang pernah saya bekerja selama *sepuluh* [10] tahun saya bertugas sebagai *Pegawai Tadbir Diplomatik* [PTD]. Bahagian ni adalah yang terbesar yang pernah saya bekerja di mana saya terpaksa menyelia *enam* [6] orang pegawai di kalangan PTD juga dan *tujuh puluh dua* [72] orang staf terdiri daripada Ketua Kerani, Kerani dan juga Pembantu Am Pejabat di mana kita terpaksa menyelia angka *tujuh puluh dua* [72] kakitangan di bawah saya.

NZZ Kenapa Tuan mendapat Anugerah Darjah Kebesaran iaitu Ahli Yang Kelima (Ahli) bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Terbilang (A.S.K) pada tahun 2012?

TIA Ini adalah pemberian daripada Istana Kelantan di mana Sultan Kelantan sekarang, Sultan Muhamad ke lima [] memberi pengiktirafan kepada anak-anak Kelantan. Alhamdulillah, kementerian saya telah mencalonkan saya, dan saya terpilih untuk menerima darjah kebesaran.

NZZ Bagaimana perasaan Tuan ketika itu?

TIA Perasaan memang bangga sebab saya ketika ini teringat arwah *ayahanda* [bapa] saya pernah menerima darjah kebesaran ini yang sama tapi saya tak ingat pada tahun berapa. Tapi saya pernah tengok gambar arwah *ayahanda* [bapa] saya pernah menerima dan saya pun menerima. Saya anggap benda ni sebagai *satu* [1] inspirasi kepada saya lah untuk ke peringkat yang lebih tinggi.

NZZ Kenapa Tuan mendapat Anugerah Khas Perdana Menteri di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 2007?

TIA Pengiktirafan ini disebabkan mungkin orang melihat saya macam mana. Tapi takkan saya nak angkat bakul sendiri pula kan, tapi tak tahulah saya nak komen

tapi mungkin benda itu orang melihat saya layak untuk menerima. Itu sahaja. Saya tak berani nak cakap, tekan lif masuk sendiri pula. Tapi Alhamdulillah, saya bersyukur sungguh. Benda ni banyak membantu saya untuk lebih berjaya lagi di masa akan datang.

NZZ **Kenapa Tuan mendapat Sijil Prestasi Cemerlang pada tahun 2011 di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia?**

TIA : Ini sama juga dengan pengiktirafan sebelum ni. Ini adalah pemberian Kementerian kepada saya dan ini lebih kepada motivasi dirilah.

NZZ **Apakah aktiviti yang sering dianjurkan oleh Aktiviti Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR?**

TIA : Kelab Korporat Muda ni adalah satu kelab yang besar di mana kita ada banyak aktiviti yang melibatkan Program Mahasiswa Masuk Kampung, Unit Kerohanian dan banyak la, saya pun tak ingat sebab dah lama. Tapi kelab ni aktif untuk sebenarnya lebih kepada *leadership* [kepemimpinan] punya kelab sebenarnya. Kalau di UiTM, kalau tak silap saya, saya tak ingat nama apa kelab tu. Ok, tak apa. Kelab ni lebih kepada mewujudkan macam koperasi ataupun kita lebih kepada *leadership* [kepemimpinan] dan peluang untuk berniaga, macam lebih kepada keusahawanan.

NZZ **Bagaimana Tuan boleh terlibat dengan Modul kenegaraan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)?**

TIA : Oh, masa ni program PLKN baru dilancarkan atau dilaksanakan di negara kita. Jadi dia memilih di kalangan pemimpin-pemimpin pelajar untuk menjadi fasilitator, kumpulan fasilitator yang pertama yang diberi peluang untuk mengendalikan modul kenegaraan. Sebab pada masa saya ni, modul kenegaraan lebih kepada Malaysia *study* [belajar] atau pengajian am secara tak langsung boleh *relate* [berhubung] dengan modul kenegaraan.

NZZ **Adakah Tuan pandai berdebat?**

TIA : Boleh.

NZZ **Apakah pencapaian tertinggi Tuan dalam berdebat?**

TIA : Dan pencapaian tertinggi berdebat saya ni di peringkat universiti sahajalah. Saya mewakili universiti saya bertanding untuk peringkat banyaklah, debat kenegaraan, debat alam sekitar, debat diraja. Saya pernah mewakili tapi saya tak pernah johan lah. Masuk mewakili unversiti, tapi masuk peringkat separuh akhir pernah.

NZZ Adakah Tuan pandai berdikir barat?

TIA : Dikir barat saya memang aktif dan saya adalah tukang karut universiti.

NZZ Apakah pencapaian Tuan paling tinggi dalam berdikir barat?

TIA : Ni pun sama. Saya mewakili universiti dalam berdikir barat untuk bertanding dengan unversiti lain. Untuk pertandingan dikir barat, *interversity* [antara universiti].

NZZ Kenapa Tuan sertai Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?

TIA : Dari segi Konvesyen, saya sebagai pemimpin mahasiswa. *So* [jadi], saya berminat untuk sertai Konvesyen.

NZZ Apakah keistimewaan Konvesyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?

TIA : Dari segi Konvesyen, yang ni melibatkan sama juga, pemimpin-pemimpin mahasiswa di seluruh Negara, ataupun kita panggil *student leader* [ketua pelajar]. Kalau UiTM, dia panggil MPP kan? Ia lebih kurang sama lah. Perjumpaan *student leader* [ketua pelajar].

NZZ **Boleh Tuan terangkan sedikit tentang Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?**

TIA : Konvensyen ni lebih kepada perjumpaan tertutup antara pihak kerajaan dan juga pemimpin pelajar lah.

NZZ **Kenapa Tuan sertai Kongress Mahasiswa?**

TIA : Saya sertai kerana saya berminat dengan kertas-kertas kongres yang akan dibentangkan dalam kongres tu. Dan saya juga merupakan personaliti yang dipilih oleh pihak Biro Tatanegara sebagai apa ya, lebih kepada tokoh pelajar lah.

NZZ **Apakah sumbangan Tuan terhadap Konvensyen Mahasiswa?**

TIA : Sumbangan saya lebih kepada idea, pembentangan kertas kerja di Konvensyen Mahasiswa ni.

NZZ **Boleh Tuan terangkan sedikit tentang Program Bakti Siswa Daya Wawasan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)?**

TIA : Ok. Program Bakti Siswa lebih kepada program khidmat masyarakat di mana program anak angkat yang melibatkan universiti saya dan juga dengan kerjasama Kementerian Luar Bandar. Masa tu, dia panggil Kementerian Pembangunan Luar

Bandar, sekarang dah tukar ke Kementerian Luar Bandar dan Wilayah [KLBW] di mana lebih kepada blueprint paper [] untuk melaksanakan kampung-kampung desa wawasan. Kita melaksanakan pelan jangka panjang untuk kampung-kampung terpilih untuk dibangunkan oleh kementerian.

NZZ **Boleh Tuan terangkan secara terperinci tentang Sekretariat Tamadun Melayu (STEM)?**

TIA : Oh, Sekretariat Tanadun Melayu ni lebih kepada memberi motivasi dan pengisian kepada para pelajar melayu kitalah di peringkat universiti dan peringkat sekolah. Lebih banyak kepada motivasi lah.

NZZ **Apakah sumbangan terbaik Tuan ketika berada di bawah badan-badan persatuan kelab?**

TIA : Terbaik ni saya rasa susah sebab benda ni subjektif. Saya rasa selagi mana idea atau khidmat saya diperlukan, saya akan buat yang terbaik dan pada masa yang sama saya aktif dengan NGO. Dan saya merupakan Timbalan Setiausaha Agung *satu* [1] Persatuan Orang Kota Bharu di kawasan KL, Wilayah dan juga Putrajaya.

NZZ **Apakah sumbangan Tuan terbesar kepada negara?**

TIA : Terbesar ni, lebih kepada Negara, saya tak rasa tak sampai la tahap negara tapi saya menyumbang dari segi kerja. Kerja saya banyak membantu pengisian-pengisian jawatan untuk sektor kerajaan.

NZZ **Boleh Tuan terangkan kenapa sumbangan tersebut merupakan sumbangan terbesar Tuan terhadap Negara?**

TIA : Dari segi kerja, macam saya sebutkan tadi, saya merupakan, di sinilah merupakan tempat untuk memilih calon yang terbaik untuk diserapkan atau dilantik ke dalam sektor awam. Jadi sekiranya berlaku kesilapan dalam pemilihan saya akan memberi kesan yang negative terhadap sektor awam, jadi saya memastikan bahawa calon-calon yang dipilih oleh pihak kerajaan adalah calon yang *competent* [kompeten] yang boleh bekerja dan boleh memberi sumbangan kepada kerajaan.

NZZ **Apakah pencapaian tertinggi Tuan sepanjang karier Tuan?**

TIA : Tertinggi saya rasa tak adalah. Saya dikategorikan sebagai budak baru belajar lagi. Saya masih belajar dan diri saya masih banyak kekurangan lagi. Tanggungjawab diberikan kepada saya sekarang ni adalah Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan dengan Gred N *empat puluh lapan* [N48].

NZZ **Apakah kenangan Tuan yang paling sukar dilupakan ketika berkhidmat sepanjang karier Tuan?**

TIA : Maksud kenangan yang paling sukar dilupakan? Banyaklah aktiviti atau kenangan manis yang saya sebutkan tadi macam Anugerah Perdana Menteri, menerima Anugerah Perkhidmatan Kecemerlangan, menerima Darjah Kebesaran, tu lah kenangan manis yang saya tak akan dapat lupakan.

NZZ **Apakah perancangan masa hadapan Tuan?**

TIA : Dari segi perancangan masa hadapan saya, sekira saya diberi peluang selepas Masters, saya ingin melanjutkan pelajaran saya sekiranya ditawarkan oleh kerajaan, saya akan melanjutkan pelajaran saya ke peringkat PHD dan saya akan menerima jawatan yang lebih tinggi jika sekiranya saya ditawarkan lah. Dan saya akan buat yang terbaiklah selagi yang saya mampu untuk memberi sumbangan dan juga perkhidmatan saya kepada kerajaan sebab saya tertakluk kepada penjawat awam.

NZZ **Sebagai seorang yang berkerjaya, boleh Tuan bagi sedikit nasihat kepada kami golongan muda?**

TIA : Nasihat ni macam saya cakap tadi la, nasihat ni subjektif sebab dia tak ada betul

dan salah jawapan. Orang muda ni jangan mudah melatah, itu yang paling penting. Belajar bersungguh-sungguh dan buat kerja sehabis baik sebab sekarang ni saya terlibat dengan bahagian pengambilan. Kasihan saya tengok calon-calon yang *pointer* [mata] nya yang agak kurang cemerlang susah untuk bersaing. Sebab sekarang ni, orang semakin pandai, orang semakin cemerlang, jadi apabila dia nak bersaing dalam persaingan untuk menjawat jawatan dalam kerajaan ni agak susah. Jadi saya rasa buat yang terbaiklah, belajar yang terbaik, dapat *result* [keputusan] yang terbaik. Insha Allah, senanglah sekiranya berminat untuk bekerja dalam sektor awam lah. Itu sahaja yang saya rasa. Buat yang terbaik, buat sehabis baik.

NZZ **Terima kasih kerana meluangkan masa Tuan untuk bersama kami pada petang ini.**

TIA : Sama-sama.

LOG WAWANCARA

Temubual ini dilakukan bersama Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan (SPA) iaitu Tuan Ismawira Amin Bin Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan. Temubual ini telah dijalankan di pejabat beliau di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di Putrajaya. Tarikh temubual tersebut adalah pada 12 Jun 2015 bermula pada jam 4.30 petang hingga 6.30 petang. Tuan Ismawira Amin Bin Ismail adalah bekas Ketua Penolong Setiausaha Parlimen dan Jemaah Menteri.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.06	Latar belakang/ biodata Umur tokoh Tarikh lahir tokoh Tempat lahir	Tuan Ismawira Amin Bin Ismail 37 tahun 10 January 1978 Pasir Puteh, Kelantan
3.10	Bilangan anak-anak Tuan Umur anak-anak	3 orang Yang pertama umur sepuluh tahun, kedua umur enam tahun dan ketiga umur satu tahun

3.51	Jawatan yang dipegang sekarang	Sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia
11.32	Aliran yang diambil ketika sekolah menengah	Sains tulen
14.50	Tahap pengajian	Bachelor of Management Leadership Study, Masters of Business Administration
17.22	Jurusan yang diambil semasa peringkat universiti	Bachelor of Management Majoring in Leadership Study, Masters dalam bidang Organization in Human Resources Development
28.00	Anugerah yang diperolehi	Anugerah Darjah Kebesaran iaitu Ahli Yang Kelima (Ahli) bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Terbilang (A.S.K) pada

		tahun 2012, Anugerah Khas Perdana Menteri di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 2007
32.20	Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan	Lebih kepada perjumpaan tertutup antara pihak kerajaan dan pemimpin pelajar.
38.25	Perancangan masa hadapan	Sekira diberi peluang selepas Masters, Tuan ingin melanjutkan pelajaran PHD dan akan menerima jawatan yang lebih tinggi jika sekiranya Tuan ditawarkan jawatan yang lebih tinggi

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00pg - 12.00pg	10 Mac 2015	Taklimat ringkas mengenai tokoh yang di pilih. Menepati dengan kriteria-kriteria yang telah di tetapkan oleh pensyarah Madam Nurulannisa bt Abdullah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
10.00pg-12.00pg	11 Mac 2015	Melihat contoh soalan yg dilakukan oleh senior yang telah mengambil subjek oral history ini	Catatan untuk membuat soalan untuk tokoh yang berkenaan.
10.00pg-12.00pg	8 April 2015	Perbincangan antara Nur Ziad Bin Mohd Zainal dengan Madam Nurulannisa bersama rakan kumpulan, Raja Mohamad Nor Syafiq Bin Raja Sazali untuk memilih tokoh yang sesuai dengan subjek <i>IMR603 – Documenting Oral Tradition</i>	Pengesahan tokoh temubual
9.00pg-3.00ptg	18 April 2015	Mula berbincang dengan tokoh untuk menentukan tarikh dan tempat dan juga masa menemubual	Tokoh setuju untuk menemubual
10.00pg-12.00pg	29 april 2015	Hantar contoh soalan kepada pensyarah sebelum menemubual tokoh	Soalan yang ingin di tanya
5.00ptg-2.00pg	11 June 2015	Bertolak ke Kuala Lumpur untuk menyiapkan oral history bersama rakan	Menaiki kereta di Machang.
4.30pg-6.30ptg	12 June 2014	Tarikh temubual tersebut adalah pada 12 June 2015 bermula pada jam 4.30 pagi hingga 6.30 petang. Tuan Ismawira Amin Bin Ismail adalah bekas Ketua Penolong Setiausaha Parlimen dan Jemaah Menteri.	Tempat di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

SENARAI SOALAN

Kami telah ditugaskan untuk menebual tokoh bagi menyiapkan kerja khursus yang telah ditugaskan kepada kami. Kami telah memilih Tuan Ismawira Amin Bin Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan.

Pengenalan Awal Latarbelakang

1. Boleh Tuan beritahu nama penuh Tuan?
2. Apakah nama panggilan atau nama glamour Tuan?
3. Bilakah tarikh lahir Tuan?
4. Berapakah umur Tuan sekarang?
5. Dimanakah Tuan dilahirkan?
6. Dimanakah Tuan dibesarkan?
7. Boleh Tuan beritahu nama penuh Ibu Tuan?
8. Boleh Tuan beritahu nama penuh Bapa Tuan?
9. Dimanakah ibu dan bapa Tuan berasal?
10. Berapakah bilangan adik beradik Tuan?
11. Berapa lelaki dan berapa perempuan adik beradik Tuan?
12. Nama adik beradik Tuan?
13. Tuan anak yang ke berapa?
14. Apakah hobi Tuan di masa lapang?
15. Apakah cita-cita Tuan masa kecil dahulu?
16. Adakah Tuan sudah berkahwin?
17. Bilakah Tuan mendirikan rumah tangga?
18. Boleh Tuan beritahu nama penuh isteri Tuan?
19. Bagaimana Tuan berkenalan dengan isteri Tuan?
20. Berapakah bilangan anak Tuan sekarang?
21. Berapa lelaki dan berapa perempuan anak Tuan?
22. Boleh beritahu nama dan umur anak-anak Tuan?
23. Dimanakah Tuan tinggal sekarang?

24. Apakah pekerjaan Tuan sekarang?
25. Apakah jawatan yang Tuan pegang sekarang?
26. Dimanakah Tuan bekerja?
27. Bagaimana Tuan dapat membahagikan masa untuk bersama anak-anak dan isteri Tuan sedangkan Tuan sibuk dengan kerja?
28. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit mengenai kehidupan Tuan di zaman kanak-kanak Tuan?
29. Apakah pengalaman yang paling manis Tuan semasa kanak-kanak?
30. Siapakah idola Tuan?
31. Apakah falsafah hidup Tuan?
32. Apakah motivasi terbesar dalam hidup Tuan?
33. Adakah ibubapa Tuan sentiasa memberi kata-kata semangat kepada Tuan?
34. Sejak bilakah Tuan pandai hidup berdikari?
35. Pada pandangan Tuan, bagaimanakah hendak menjadi seorang yang berdikari?

Sejarah Pendidikan dan Pekerjaan

1. Dimanakah Tuan bersekolah rendah?
2. Dimanakah Tuan bersekolah menengah?
3. Kenapa Tuan bersekolah menengah di Dungun?
4. Apakah aliran yang diambil Tuan ketika sekolah menengah?
5. Ketika di zaman persekolahan, adakah Tuan seorang pelajar yang aktif?
6. Semasa peringkat sekolah dahulu, adakah Tuan pernah mewakili sekolah contohnya, dalam bidang sukan atau pelajaran?
7. Apakah pencapaian terbaik yang pernah Tuan perolehi di peringkat sekolah?
8. Selepas tamat Spm, apakah Tuan bekerja sepanjang tempoh menunggu keputusan Spm?
9. Dimanakah Tuan melanjutkan pelajaran selepas tamat peringkat menengah?
10. Sebutkan tahap pengajian Tuan daripada sekolah rendah hingga yang tertinggi?
11. Apakah tawaran yang Tuan dapat ketika sambung belajar, sama dengan citarasa atau minat Tuan?
12. Gambaran suasana di tempat pengajian Tuan ketika di universiti?

13. Adakah Tuan gembira dengan suasana ketika di universiti?
14. Jurusan apakah yang diambil Tuan semasa peringkat universiti?
15. Kenapa Tuan mengambil diploma pengurusan awam walaupun Tuan sudah mempunyai ijazah sarjana muda pengurusan(pengajian kepimpinan)?
16. Apakah pencapaian terbaik Tuan semasa di peringkat universiti?
17. Apakah kelab atau persatuan yang pernah Tuan libatkan diri sepanjang berada di alam universiti?
18. Apakah kenangan manis yang tidak dapat Tuan lupakan semasa di universiti?
19. Apakah kenangan pahit yang tidak dapat Tuan lupakan semasa di universiti?
20. Apakah rahsia kejayaan Tuan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang agak membanggakan?
21. Apakah pekerjaan pertama Tuan pada permulaan tamat pengajian?
22. Boleh ceritakan perjalanan hidup Tuan selepas tamat pekerjaan sehinggalah sekarang?
23. Mengapa Tuan memilih untuk berkhidmat di sektor Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)?
24. Apakah pengalaman yang paling manis Tuan semasa bekerja?
25. Apakah pengalaman yang paling pahit Tuan semasa bekerja?
26. Semasa Tuan di alam pekerjaan, apakah dugaan paling besar yang pernah Tuan hadapi?
27. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit tentang suasana tempat kerja Tuan?


Pencapaian

1. Kenapa Tuan mendapat Anugerah Darjah Kebesaran iaitu Ahli Yang Kelima (Ahli) bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Terbilang (A.S.K) pada tahun 2012?
2. Bagaimana perasaan Tuan ketika itu?
3. Kenapa Tuan mendapat Anugerah Khas Perdana Menteri di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 2007?
4. Kenapa Tuan mendapat Sijil Prestasi Cemerlang pada tahun 2011 di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia?

5. Kenapa Tuan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di bawah kementerian Pengangkutan Malaysia pada tahun 2007?
6. Apakah aktiviti yang sering dianjurkan oleh Aktiviti Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR?
7. Boleh Tuan terangkan sedikit tentang Aktiviti Kelab Korporat Muda (KKM) UNITAR?
8. Bagaimana Tuan boleh terlibat dengan Modul kenegaraan Program Latihan Khidmat Negara(PLKN)?
9. Adakah Tuan pandai berdebat?
10. Apakah pencapaian tertinggi Tuan dalam berdebat?
11. Adakah Tuan pandai berfikir barat?
12. Apakah pencapaian Tuan paling tinggi dalam berfikir barat?
13. Kenapa Tuan sertai Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?
14. Apakah keistimewaan Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?
15. Boleh Tuan terangkan sedikit tentang Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan?
16. Kenapa Tuan sertai Kongress Mahasiswa?
17. Boleh Tuan ceritakan pengalaman Tuan ketika Tuan menyertai Kongress Mahasiswa?
18. Apakah sumbangan Tuan terhadap Konvensyen Mahasiswa?
19. Boleh Tuan terangkan sedikit tentang Program Bakti Siswa Daya Wawasan,Kementerian Pembangunan Luar Bandar(KPLB)?
20. Boleh Tuan terangkan secara terperinci tentang Sekretariat Tamadun Melayu(STEM)?
21. Apakah sumbangan terbaik Tuan ketika berada di bawah badan-badan persatuan kelab?
22. Apakah sumbangan Tuan terbesar kepada negara?
23. Boleh Tuan terangkan kenapa sumbangan tersebut merupakan sumbangan terbesar Tuan terhadap Negara?
24. Apakah pencapaian tertinggi Tuan sepanjang karier Tuan?

25. Apakah kenangan Tuan yang paling sukar dilupakan ketika berkhidmat sepanjang karier Tuan?
26. Apakah perancangan masa hadapan Tuan?
27. Adakah Tuan masih dalam perancangan untuk terus maju dalam karier Tuan?
28. Sebagai seorang yang berkerjaya, boleh Tuan bagi sedikit nasihat kepada kami golongan muda?

Surat perjanjian


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kelantan
PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/dak perlu diemak oleh pengkaji (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....

Pengarah Penyelidikan
DR. MOHD NASIR ISMAIL
Ketua Pusat Penyelidikan
Bahagian Penyelidikan
Sumbangan Persekitaran Awam Malaysia
Aran 8, Blok C7, Kompleks C
Pusat Penyelidikan Sejarah, Persekitaran
82500 Ponoroh

.....
Dr. Mohd Nasir Ismail,
Ketua Pusat Penyelidikan,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UITM Kelantan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Mendapat Anugerah Khas Perdana Menteri-Peserta Terbaik Keseluruhan(Cemerlang)

LAMPIRAN 2

PERSONALITI ISMA GEMARKAN AKTIVITI LASAK



Melakon dibayar oleh... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)

... (text partially obscured by image)



Gambar 2: Ditemuduga oleh pihak penerbitan surat khabar terkemuka di Malaysia

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Dianugerahkan Anugerah Darjah Kebesaran iaitu Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (A.S.K)

LAMPIRAN 4



Gambar 4: Peserta Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan

INDEKS

INDEKS

A	Menteri
Ayahanda 18,19,20,21,22,31,32,33	4,5,11,30,31,33,34,37,38,40,42,44,45,48,49, 53
Anugerah 3,27,30,33,40,43,44,48,49,53,55	P
D	Pegawai 11,15,17,19,25,27,29,30,31,32,43
Diari Kajian 45	Pencapaian 3,23,24,25,27,35,36,39,47,48,49
I	Pekerjaan 29,31,47,48
Ijazah 3,25,27,29,48	Perkhidmatan Awam
K	7,8,9,11,17,30,42,43,45,48
Kelab Korporat Muda (KKM) 27, 34	S
M	Sumbangan 37,38,39,40,49
Master 3, 25,26,31,40,43,44	U
	Uitm 34,36